

9 LAMPIRAN

Objektif Pembelajaran

Di akhir bab ini, pembaca akan dapat:

- ✓ Menjelaskan maksud lampiran di dalam rancangan perniagaan
 - ✓ Menyatakan tujuan lampiran diwujudkan di dalam rancangan perniagaan
 - ✓ Menyenaikan contoh-contoh bahan lampiran yang dimasukkan di dalam rancangan perniagaan
-

9.1 PENGERTIAN LAMPIRAN

Lampiran adalah bahagian terakhir rancangan perniagaan. Di dalam bahagian ini, maklumat-maklumat yang tidak dapat dimasukkan di dalam bahagian lain akan dimuatkan di sini.

9.2 TUJUAN LAMPIRAN

Segala butiran atau maklumat di bahagian ini akan mengukuhkan lagi maklumat yang telah ada di bahagian-bahagian lain. Bahagian lampiran bukanlah bahagian di mana usahawan harus menjelaskan mengenai maklumat-maklumat baru, tetapi ia hanyalah bahagian yang akan memberi sokongan kepada bahagian-bahagian lain seperti latar belakang perniagaan, pemasaran, operasi, pentadbiran dan kewangan.

Lampiran diletakkan di bahagian paling belakang kerana lampiran hanya berfungsi untuk menyokong maklumat-maklumat yang telah dijelaskan di dalam keseluruhan rancangan perniagaan. Tiada had muka surat untuk lampiran. Usahawan boleh meletakkan seberapa banyak bahan sokongan yang dirasakan sesuai. Namun demikian, ketebalan lampiran tidak bermakna rancangan perniagaan usahawan dijamin lengkap, bagus dan hebat.

9.3 CONTOH-CONTOH BAHAN LAMPIRAN

Antara contoh-contoh bahan lampiran yang sering disertakan di dalam rancangan perniagaan ialah:

- *Resume* pemegang syer/pihak pengurusan atasan
- Peta/ tapak lokasi (perniagaan)
- Senarai lokasi cawangan-cawangan perniagaan
- Kedudukan lokasi ibu pejabat dan cawangan-cawangan perniagaan (sekiranya ada)
- Pelan dalaman bangunan
- Salinan pendaftaran perniagaan/syarikat, salinan lesen dan borang-borang berkaitan
- Senarai pembekal
- Perolehan/sumber modal
- Graf/carta pai/rajah dan jadual yang sesuai
- Permohonan kelulusan tapak premis perniagaan dan lain-lain
- Salinan deposit sewa premis/utiliti
- Resit pembayaran
- Salinan keratan artikel, suratkhobar, majalah atau buletin
- Brosur, katalog, pamflet, poster dan salinan iklan
- Dan lain-lain bukti yang boleh menyokong usahawan dalam usaha memenuhi tujuan penyediaan rancangan perniagaan.